

Punca India, Cina tidak minat sektor awam

UM 2 1 MAY 2001

Oleh
HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 20 Mei — Agihan sistem kenaikan pangkat yang tidak seimbang antara kaum Melayu dan bukan Melayu dikenal pasti antara punca kaum India dan Cina tidak berminat untuk berkhidmat dalam sektor awam.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam, Datuk N. Siva Subramaniam berkata, selain itu, terdapat juga ketua-ketua di jabatan kerajaan tertentu mencipta 'kuota' sendiri yang tidak menjadi dasar kerajaan dalam sektor tersebut.

"Dasar perkhidmatan

awam yang digariskan oleh kerajaan baik tetapi gagal dilaksanakan di peringkat bawahan," katanya ketika dihubungi Utusan di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai kedudukan antara kaum yang tidak seimbang ekoran golongan bukan Melayu yang tidak berminat untuk berkhidmat dalam sektor awam.

Menurut Siva, kaedah penilaian dalam Sistem Saran Baru (SSB) yang menilai kenaikan pangkat berdasarkan markah juga menyumbang kesukaran bukan Melayu memegang jawatan tinggi dalam sektor kerajaan.

Katanya lagi, hal tersebut berlaku kerana sikap ketua-ketua jabatan tertentu yang tidak bertanggungjawab atau pilih kasih.

"Dengan kata lain, sistem itu tidak realistik dan kerana itu CUEPACS mencadangkan sistem temu duga yang lebih telus," tambahnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, terdapat juga jabatan kerajaan di beberapa negeri yang langsung tidak mempunyai ketua atau kakitangan bukan Melayu.

"Keadaan ini menyebabkan pada musim Hari Raya, pejabat kerajaan seolah-olah lumpuh kerana tiada pekerja," tambahnya.

Oleh itu CUEPACS mencadangkan satu jawatan kuasa khas ditubuhkan

meneliti dan mengambil langkah segera untuk mengatasi masalah yang berlaku di dalam sektor awam.

Dalam pada itu, Siva tidak menafikan faktor tawaran yang lebih lumayan sektor swasta berbanding sektor awam turut mengurangkan minat bukan Melayu untuk menyertai sektor awam.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye berkata, masalah ketidakseimbangan yang berlaku ketika ini kerana kaum bukan Melayu lebih cenderung bekerja di sektor swasta.

Menurutnya, golongan itu berpendapat bekerja di sektor awam tidak memiliki masa depan, tiada prospek, tawaran gaji yang rendah selain kesukaran kenaikan pangkat.

"Kerana itu, saya menyokong sebarang usaha untuk mengatasi masalah ini. Keseimbangan sebenarnya akan membayangkan komposisi kaum yang majmuk di Malaysia," katanya.

Mengulas road show MCA untuk menarik lebih ramai kaum Cina menyertai pasukan tentera dan polis, Lee menyokong usaha tersebut.

Katanya lagi, peranan membangunkan negara perlu dimainkan oleh semua kaum dan ini boleh dilakukan melalui penerangan yang berterusan dan maklumat yang tepat.

"Parti pembangkang dan badan bukan kerajaan mesti turut memainkan peranan mereka sebagai tanda menyokong usaha-usaha tersebut," ujarnya.